



20 NOV, 2024

Seludup rokok di sebalik snek, minuman

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Seludup rokok di sebalik snek, minuman

Kastam rampas rokok bernilai RM6.38 juta di Pelabuhan Barat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
DENGKIL

Taktik lapuk menyeludup rokok melalui Pelabuhan Barat, Klang, dengan mengisytiharkan sebagai produk makanan dan minuman dibongkar, baru-baru ini.

Pemeriksaan 11 pagi, 12 November lepas dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat Putrajaya ke atas enam kontena dan menemui 8,390,000 batang rokok dengan nilai RM6.38 juta termasuk duti serta cukai.

Penolong Ketua Pengarah Kastam, Raizam Setapa @ Mustapha berkata, siasatan mendapati rokok putih ini dibawa masuk dari sebuah negara di Asia Selatan untuk pasaran tempatan.

“Modus operandi sindiket ialah menggunakan dokumen yang diisytiharkan sebagai produk.

“Sindiket telah meletakkan produk snek makanan, minuman botol serta guni yang mengandungi bijirin di pintu hadapan kontena, namun di belakangnya ter-



Raizam (tengah) dan pegawainya menunjukkan rokok seludup yang dirampas kastam dalam operasi di Pelabuhan Barat, Klang, pada 12 November lalu.

Mahkamah & Jenayah

dapat kotak-kotak rokok tidak bercukai,” katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Kastam Dengkil di sini, pada Selasa.

Menurut Raizam, pihaknya telah menahan seorang ejen perkapalan warga tempatan berusia lingkungan 50-an untuk membantu siasatan.

Tambahnya, JKDM percaya rokok jenama baharu itu akan diedar termasuklah di premis-premis runcit.

“Pengimportan rokok dan tembakau tertakluk kepada permit import yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam sebagaimana yang digariskan di Butiran

66 Bahagian 1 Jadual Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023,” ujarnya.

Beliau berkata, kes itu disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Zon Bebas 30(1) Akta Zon Bebas 1990 serta Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 dan orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan yang merugikan negara.

“Sebarang maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan boleh disalurkan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam terdekat dan setiap identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” ujarnya.



20 NOV, 2024

Seludup rokok di sebalik snek, minuman

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kastam rampas rokok bernilai RM6.38 juta di Pelabuhan Barat

Taktik lapuk menyeludup rokok melalui Pelabuhan Barat, Klang, dengan mengisytiharkan sebagai produk makanan dan minuman dibongkar, baru-baru ini.Pemeriksaan 11 pagi, 12 November lepas dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat Putrajaya ke atas enam kontena dan menemui 8,390,000 batang rokok dengan nilai RM6.38 juta termasuk duti serta cukai.